

Dalam Negeri

Kapal dagang bergantung kepada 15,000 pelaut asing

PELABUHAN KLANG 18 Okt. - Prospek kerjaya sebagai pelaut amat luas tetapi industri kapal dagang di negara ini terpaksa mengupah 15,000 warga asing kerana kerjaya itu kurang diminati belia tempatan.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abdul Rahim Bakri berkata, jumlah itu mewakili 45 peratus keperluan tenaga kerja bidang itu.

Beliau memberitahu, kebanyakan warga asing itu dari Indonesia dan Filipina yang menampung kekoson-

gan jawatan diperlukan kapal-kapal dagang yang berdaftar di negara ini.

Tambah beliau, mengikut Sistem SDPX iaitu pangkalan data pelaut, sehingga tahun lalu, Malaysia memerlukan lebih 50,000 pelaut untuk bekerja di atas 4,677 kapal dagang yang berdaftar di negara ini.

"Namun, setakat ini hanya 20,000 rakyat Malaysia menjadi pelaut. Kekosongan jawatan paling kritikal ialah kapten, jurutera 1, jurutera 2 dan pegawai kapal," katanya ditemui selepas

merasmikan Hari Maritim Sedunia Peringkat Kebangsaan di sini hari ini.

Hadir sama Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan) Kementerian, Datuk Kamaruzaman Mohd. Noor dan Ketua Pengarah Jabatan Laut, Kapten Datuk Ahmad Othman.

Abdul Rahim memberitahu, tempoh pelayaran yang lama sehingga mencecah lebih tiga bulan mungkin punca kerjaya sebagai pelaut kurang menarik minat lepasan sekolah.

Menurutnya, sebaliknya bidang itu

sebenarnya menawarkan pelbagai kemudahan dan insentif yang menarik seperti gaji lumayan serta peluang menjelajah dunia.

Jelas beliau, Akademi Laut Malaysia (ALAM) berperanan melahirkan pelaut bertauliah dan telah melahirkan 1,192 pelaut sejak tiga tahun lalu.

"Jumlah itu masih tidak mencukupi. Masalah kurang kemudahan terutama dermaga bagi tujuan latihan menyebabkan hanya sekitar 350 pelatih dikeluarkan setiap tahun," jelasnya.

Abdul Rahim berkata, dalam jangka panjang, ALAM merancang mewujudkan program ijazah berkembar bersama Universiti Teknologi Petronas (UTP).

Sementara itu, sambutan Hari Maritim Sedunia turut diadakan di Langkawi, Lumut, Kuala Terengganu, Johor Bahru, Sabah dan Sarawak.

Bagi penduduk Lembah Klang, keistimewaanannya adalah peluang menyertai Hari Terbuka Rumah Api Kuala Selangor yang berusia 100 tahun.



Penghuni selamat, lantai rumah panjang runtuh

BUTTERWORTH 18 Okt. - Dua keluarga dari Rumah Hijau Mak Mandin di sini terselamat apabila lantai rumah panjang yang didiami mereka sejak lebih 30 tahun lalu runtuh malam tadi.

Dalam kejadian kira-kira pukul 12 tengah malam itu, mereka bernasib baik kerana masih belum tidur dan sempat menyelamatkan diri.

Menurut seorang mangsa, Shamsul Ariff Mohamad Noor, 41, dia terdengar bunyi kuat seakan-akan kayu patah ketika sedang menonton televisyen bersama keluarganya di ruang tamu.

"Saya terbayangkan rumah akan

sehingga satu kaki (0.2 meter).

"Bimbang kejadian lebih buruk berlaku, saya dan dua anak terpaksa menumpang tidur di rumah jiran," katanya ketika ditemui di tempat kejadian.

Perkara sama dialami Abdul Ghani Talib, 56, yang berkata, dia bersama isterinya baru hendak masuk tidur ketika kejadian tersebut berlaku.

"Lantai rumah kami yang didiami sejak 30 tahun lalu runtuh selepas terdengar bunyi kayu patah.

Dia berharap ada pihak yang sudi menghulurkan bantuan kepada mereka untuk membaik pulih lantai rumah tersebut agar dapat meneruskan

Sementara itu, Penyelaras Barisan Nasional (BN) bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan, David Chua berjanji untuk mendapatkan peruntukan daripada Unit Penyelaras Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU-JPM) bagi memperbaiki kerosakan lantai rumah berkenaan dengan segera.

Beliau simpati dengan nasib penduduk terlibat dan mahu kerajaan negeri menghentikan permainan politik mereka untuk membantu penduduk Rumah Hijau Mak Mandin.

"Kerajaan negeri sedia maklum tentang masalah yang dihadapi penduduk di sini sejak sekian lama, jadi datanglah bantu mereka," katanya yang juga Ke-